


**Graduan perlu contohi kegemilangan sarjana silam**

SERDANG, 18 Okt – Graduan perlu mencontohi kegemilangan sarjana silam yang sentiasa menggunakan ilmu pengetahuan dan keupayaannya dalam sesuatu bidang untuk membongkar rahsia di sebalik sesuatu kejadiana.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Ariffin berkata dengan adanya usaha gigih seperti yang ditunjukkan oleh sarjana silam, kegemilangan sesuatu tamadun boleh bertahan beratus-ratus tahun.

“Sarjana zaman silam mencungkil rahsia kehidupan untuk dikongsi bersama demi kebahagiaan orang lain. Budaya ini perlu dibangkitkan dalam masyarakat kita demi mencapai status negara maju pada tahun 2020,” katanya pada ucapan hari keempat, Majlis Konvoquesyen ke-35 UPM di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.



Pada majlis konvoquesyen itu seramai 7,327 graduan menerima ijazah dan daripada jumlah itu 369 menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 1,816 ijazah master, 4,744 ijazah bachelors dan 398 diploma.

Turut hadir pada istiadat itu ialah dua Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Dato' Rozali Ismail serta Pengurus Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim.

Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan berkata sesuatu bangsa tidak dapat mengulangi kegemilangan tamadun silam tanpa ilmu pengetahuan dan persekitaran yang menyokong masyarakat ke arah kecemerlangan.

"Saya berpendapat semua pihak termasuk media perlu memainkan peranan secara seimbang dan menyokong usaha institusi pengajian tinggi untuk menyebarluaskan pengetahuan dan mendidik mesyarakat.

"Ia merupakan kunci kepada penyelesaian masalah yang kompleks, mewujudkan kepelbagaiannya pandangan bagi mencapai kecemerlangan lebih dinamik untuk membina negara yang sejahtera dan maju," katanya.



Sementara itu pada majlis pengurniaan ijazah sebelah petangnya, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Razali Ismail berkata kejayaan tamadun silam dalam mencipta kecemerlangan adalah bertunjangkan kepada pengetahuan yang mendalam, ketekunan dan kesabaran yang tinggi.

"Kecemerlangan yang dikecapi akan terus kekal selagi mana masyarakat mendokong cita-cita murni, tidak bersikap mementingkan diri sendiri dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul dalam masyarakat," ujar beliau.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm), (Mohd Martin Kahar), foto (Unit foto MarComm).